



Jabatan Perkhidmatan Kuarantin & Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)

NOTIS PEMAKLUMAN

Tarikh: 12 Januari 2026

SEMUA EJEN/ PENGEKSPORT DAN SESIAPA BERKENAAN

Tuan/Puan,

NOTIS PEMAKLUMAN BERKENAAN PENANGGUHAN KUTIPAN CAJ PERMIT BAGI KOMODITI PERTANIAN (TUMBUHAN & HASILAN TUMBUHAN, TANIH DAN MIKROORGANISMA)

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa kutipan caj permit bagi komoditi pertanian (tumbuhan, tanah dan mikroorganisma), iaitu di bawah *Permit Issuance Agency (PIA) MAQIS/ DOA dan MAQIS/ JPK* ditangguhkan kutipannya melalui sistem ePermit bermula 15 Januari 2026. Tujuan penangguhan kutipan caj permit komoditi pertanian ini adalah untuk memberi laluan kepada proses penyelenggaraan sistem ePermit bagi PIA MAQIS / DOA dan MAQIS / JPK.

3. Namun demikian, permit PIA MAQIS/ DOA dan MAQIS/ JPK masih dikeluarkan di bawah kawalan MAQIS dan diperlukan untuk sebarang aktiviti pengimportan dan pengeksportan komoditi pertanian jika keperluan permit telah dinyatakan melalui Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import/Eksport) 2023.

4. Sebarang kemusykilan berhubung dengan perkara ini, pihak tuan/puan boleh berhubung dengan **Bahagian Import, Eksport dan Data** di talian 03-8870 8000 dan emel sied@maqis.gov.my.

Segala kerjasama dan keprihatinan pihak tuan/puan berhubung dengan perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"PENGUATKUASAAN BERINTEGRITI"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(SHAMSUL AKBAR BIN SULAIMAN)